

Air parit cemari pantai

Pengunjung tak tahan keadaan kurang menyenangkan di Port Dickson

Oleh Nor Aziah Othman
bhnews@bharian.com.my

PORT DICKSON: Hitam, busuk dan menjijikkan! Air parit bersebelahan Marina Bay Apartment, di sini menyebabkan penghuni dan penyewa yang tinggal di apartmen itu pada hujung minggu termasuk warga asing, tidak senang duduk dengan keadaan kurang menyenangkan itu.

Bukan tidak pernah membuat aduan, malah penghuni dan pihak pengurusan apartmen mendakwa sudah beberapa kali membuat aduan berhubung masalah itu, tetapi keadaan tetap sama.

Parit yang mengalir dari kawasan penempatan berdekatan juga mengalir ke pantai, menyebabkan penghuni bimbang air kotor itu akan mencemarkan laut di pantai berdekatan yang menjadi tumpuan pelancong.

Pengurus Perbadanan Pengurusan Marina Bay Apartment, Phang Han Kim, berkata masalah itu berlaku sejak 2008 dan pihaknya yang tidak tahan dengan keadaan itu mengemukakan aduan kepada Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD).

Bagaimanapun, beliau mendakwa tiada tindakan konkrit diambil untuk mengatasi masalah itu yang masih berterusan hingga kini.

"Seorang penghuni apartmen ini dari Jerman yang tidak tahan menghidu bau dan pemandangan yang menyakitkan mata, pernah membuat laporan di balai po-



MOGAN (kanan) dan Mohammad Razi (dua dari kanan) melawat kawasan sekitar bersebelahan pusat peranginan di Port Dickson.

lis, tetapi saya tidak tahu apa tindakan susulan kerana keadaan masih sama.

"Hanya selepas keadaan parit itu semakin teruk, pihak berkuasa datang dan menjalankan siasatan, malangnya air kotor itu tetap mengalir seperti biasa," katanya ketika ditemui.

Phang mahu MPPD dan agensi berkaitan berusaha menangani masalah itu supaya tidak menjejaskan

penghuni apartment itu dan mencemarkan nama baik Port Dickson yang terkenal sebagai pantai peranginan.

Masalah itu akhirnya mendapat perhatian kerajaan negeri apabila Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Perlindungan, Sumber Manusia, Alam Sekitar dan Pengaduan Awam negeri, Datuk V S Mogan dan Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perpaduan, Kebudayaan, Kesen-

an, Warisan dan Adat Istiadat Melayu Negeri, Datuk Mohammad Razi Kail, bersama pegawai MPPD, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), melawat parit itu.

Mogan yang terkejut dengan pencemaran itu berkata, JAS mengambil sampel air parit itu untuk mengenal pasti punca pencemaran, sama ada dari pusat kumbahan



“Hanya selepas keadaan parit itu makin teruk, pihak berkuasa datang dan menjalankan siasatan, malangnya air hitam dan berbau itu masih mengalir ke pantai”

Phang Han Kim
Pengurus Perbadanan
Pengurusan Marina

berdekatan atau akibat kegiatan pembuangan sampah haram ke dalam parit itu.

Katanya, kerajaan negeri memberi perhatian terhadap masalah itu kerana pantai peranginan di sini adalah tumpuan pelancong.

"Sebarang masalah pencemaran yang berlaku boleh menjejaskan industri pelancongan, selain mengganggu ketenteraman penduduk tempatan," katanya.